

→ ANUGERAH

5 syarikat menang anugerah MCY 2018

➔ Hasil kajian kulit manggis raih Anugerah Pencapaian Pengkomersialan

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Inovasi kulit manggis untuk penjagaan kulit wajah hasil penyelidikan Syarikat Biopro Cosmeceutical Sdn Bhd muncul sebagai pemenang utama kategori Pencapaian Pengkomersialan bersempena Anugerah Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2018.

Produk berjenama DERMAGs Skin Care itu dibangun berdasarkan hasil kajian pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mariani Abdul Hamid ketika mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah di Universiti Dong-

gok, Korea Selatan.

"Berdasarkan kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D), saya dapati kulit manggis mempunyai banyak kelebihan serta baik untuk mencerahkan kulit, antipenuaan dan membaik pulih sel mati. Manggis sebagai sumber asli tempatan dibangunkan menggunakan teknologi nano memberi banyak kelebihan kepada produk ini," katanya selepas majlis penyampaian anugerah, di sini, semalam.

Catat jualan RM6.3 juta

Produk dihasilkan syarikat Spin-Off UTM dan incubatee Teknologi Park Malaysia itu berjaya dieksport ke luar negara seperti Singapura, China, India dan beberapa negara lain mencatat jualan sehingga RM6.3 juta untuk tempoh Januari hingga September 2018.

Anugerah Pencapaian Pengkomersialan adalah satu daripada lima kategori Anugerah MCY 2018 anjuran Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

Setiap pemenang utama memenangi RM130,000, manakala lima lagi pemenang saguhati masing-



[FOTO AIZUDDIN SAAD /BH]

Bee Yin (tengah) dan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya (lima dari kanan) bersama pemenang utama Anugerah MCY 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

masing menerima RM50,000. Jumlah keseluruhan hadiah adalah RM1 juta. Anugerah disampaikan oleh menterinya, Yeo Bee Yin.

Majlis penganugerahan itu diadakan bersempena penganjuran International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM).

Bagi kategori Usahasama Penyelidikan dan Perniagaan ia dimenangi oleh produk RESCUE_I Mo-

onitoring System hasil inovasi penyelidikan Universiti Teknologi Pertrons (UTP) dan syarikat Semarak Motiivasi Sdn Bhd iaitu syarikat yang mengkhusus dalam bidang kejuruteraan keselamatan.

Produk Versatile Graphene hasil inovasi penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), muncul pemenang utama kategori Usahawan Penyelidikan MCY 2018. Syarikat Anderes Fourdy Sdn Bhd yang menghasilkan

produk Emergency Evacuation System bagi menyelesaikan masalah tabulasi manual ketika kecemasan muncul pemenang utama kategori Innovator Baharu MCY 2018.

Produk Rumah Ketam UNIMAS yang dihasilkan penyelidikan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk meningkatkan pendapatan golongan B40, terutama nelayan dipilih sebagai pemenang utama kategori Usahawan Sosial MCY.